



## **OPS GEMPUR BIL. 6 / 2021 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA**

22 JUN 2021, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan Ops Gempur Bil. 6/2021 ke atas premis-premis industri di Negeri Melaka bermula 16 hingga 22 Jun 2021 yang lalu bagi memastikan premis-premis tersebut patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Operasi ini dianggotai seramai 19 pegawai yang dibahagikan kepada 8 pasukan. Sebanyak 26 premis telah diperiksa yang membawa kepada tindakan iaitu 6 kompaun dan 3 Notis Arahan. Tahap pematuhan premis – premis di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di Negeri Melaka adalah memuaskan dan pemantauan juga dilaksanakan bagi memastikan hanya premis – premis yang dibenarkan beroperasi oleh MITI sahaja beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Operasi ini turut melibatkan Taskforce Khas Industri bersama - sama agensi – agensi di Negeri Melaka seperti Invest Melaka, Berhad (IMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen Negeri Melaka (JIM) dan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Orang ramai diminta untuk membantu Jabatan Alam Sekitar dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka